

# PHARMANIAGA THEOPHYLLINE TABLET

Theophylline (125 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Theophylline Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Theophylline Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Theophylline Tablet
4. Cara mengambil Pharmaniaga Theophylline Tablet
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Theophylline Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Theophylline Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Theophylline Tablet

Pharmaniaga Theophylline Tablet digunakan untuk merawat asma dan keadaan lain yang disertai dengan bronkospasma (pegecutan otot dinding salur pernafasan dalam paru-paru).

## Bagaimana Pharmaniaga Theophylline Tablet berfungsi

Bahan aktif Pharmaniaga Theophylline Tablet adalah Theophylline. Theophylline berfungsi dengan mengendurkan otot dinding dalam saluran pernafasan dan membuka saluran udara untuk memudahkan pernafasan.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Theophylline Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Theophylline Tablet jika:

- Anda mempunyai alahan kepada Pharmaniaga Theophylline Tablet atau mana-mana bahan kandungan yang tersenarai di akhir risalah ini.
- Gejala tindak balas alahan mungkin termasuk ruam kulit, gatal-gatal dan kesukaran bernafas.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, bincang dahulu dengan doktor atau ahli farmasi anda.

### -Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mengalami:

- Edema pulmonari (pengumpulan bendalir di dalam paru-paru)
- Kegagalan fungsi jantung
- Demam yang berpanjangan
- Masalah hati
- Kelenjar tiroid kurang aktif
- Sepsis (jangkitan kuman dalam darah)
- Sawan
- Hipersensitif kepada theophylline atau ethylenediamine

### Mengandung dan menyusukan bayi

Beritahu doktor jika anda mengandung, berniat untuk mengandung, menyusukan bayi atau merancang untuk menyusu. Theophylline merentasi plasenta dan ia juga ditemui di dalam susu ibu. Ini mungkin akan menyebabkan kerengsaan pada bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda risiko dan faedah mengambil Pharmaniaga Theophylline Tablet.

### Kanak-kanak

Langkah berjaga-jaga harus diambil terhadap bayi yang baru lahir dan kanak-kanak di bawah 1 tahun, terutamanya bayi pramatang dan bayi berumur kurang daripada 3 tahun dengan masalah buah pinggang.

### Warga emas

Langkah berjaga-jaga diambil terhadap warga emas berumur lebih dari 60 tahun. Golongan ini mungkin memerlukan penyesuaian dos atau interval dos.

### Perokok

Menghisap rokok boleh meningkatkan kadar penyingkiran theophylline. Penyesuaian dos

mungkin diperlukan jika perokok baru mula merokok atau berhenti merokok.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan lain.

Sesetengah ubat boleh mengganggu Pharmaniaga Theophylline Tablet.

Ini termasuk:

- Antibiotik seperti erythromycin, clarithromycin, ciprofloxacin, rifampicin
- Cimetidine
- Allopurinol
- Propranolol
- Phenytoin
- Tacrine
- Alkohol

Ini bukanlah senarai lengkap tindak balas. Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu berhati-hati atau dielakkan semasa mengambil Pharmaniaga Theophylline Tablet.

## Cara mengambil Pharmaniaga Theophylline Tablet

Sentiasa mengambil ubat ini sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

### Berapa banyak harus diambil

Doktor anda akan menasihatkan anda dos yang diperlukan setiap hari dan tempoh pengambilan ubat ini.

### **Dewasa**

125mg setiap 6 jam. Ini boleh ditingkatkan kepada 250mg bergantung kepada respons.

### **Kanak-kanak**

**7 - 12 tahun:** 62.5mg hingga 125mg bergantung kepada respons.

# PHARMANIAGA THEOPHYLLINE TABLET

Theophylline (125 mg)

---

**2 - 6 tahun:** 5mg/kg berat badan setiap 6 jam.

*-Bila perlu diambil*

Ikut arahan pada label dengan teliti.

*-Berapa lama perlu diambil*

Sentiasa mengambil ubat ini seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

*-Jika terlupa mengambil*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil seterusnya pada masa yang dijadualkan. Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan peluang anda mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

*-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan terlalu banyak Pharmaniaga Theophylline Tablet boleh menyebabkan sakit perut, keresahan, kekeliruan, cirit-birit, muntah berdarah, paras gula yang tinggi, kadar kalium rendah, tekanan darah tinggi, asidosis metabolik (keadaan yang berlaku apabila badan menghasilkan asid secara berlebihan), sawan, degupan jantung laju dan tidak sekata dan menggeletar.

**Semasa mengambil Pharmaniaga Theophylline Tablet**

*-Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat ini untuk jangka masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda alah kepada Pharmaniaga Theophylline Tablet.
- Beritahu doktor anda dan ahli farmasi mana-mana ubat preskripsi dan bukan preskripsi yang anda ambil.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Theophylline Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

*-Perkara yang tidak boleh dilakukan*

- Jangan berkongsi Pharmaniaga Theophylline Tablet dengan orang lain, walaupun tanda-tanda mereka kelihatan serupa dengan anda.
- Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor atau ahli farmasi memberitahu anda.

*-Perkara yang perlu diberi perhatian*

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan ambil Pharmaniaga Theophylline Tablet tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana Pharmaniaga Theophylline Tablet memberi kesan kepada anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Theophylline Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Pharmaniaga Theophylline Tablet boleh menyebabkan loya, muntah, sakit perut, cirit-birit, pendarahan gastrousus, insomnia, sakit kepala, keresahan, kegelisahan, pening dan jantung berdebar-debar.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku pada sesetengah orang. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuat anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers*→*Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Theophylline Tablet**

*-Penyimpanan*

Simpan semua ubat jauh daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang tertera pada pek bungkusan.

Simpan di bawah 25°C. Simpan dalam bekas tertutup rapat. Lindungi daripada cahaya.

*-Pelupusan*

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

*-Rupa dan warna produk*

Tablet putih, bulat, dwicembung dengan ikon Pharmaniaga di sebelah dan *scoreline* di sebelah satu lagi..

# PHARMANIAGA THEOPHYLLINE TABLET

Theophylline (125 mg)

---

-Bahan bahan kandungan

Bahan aktif:

Theophylline 125 mg

Bahan-bahan tidak aktif:

*Talcum, Cornstarch,  
Croscarmellose Sodium, Dicalcium  
Phosphate, Magnesium Stearate.*

-Nombor MAL

MAL19872133AZ

**Pengilang**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650, Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650, Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

19/10/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)270815/00285